

# **Kertas Bil. 12/2015**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERKENAAN SELANGOR FRUIT VALLEY  
(SFV) DAN PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN  
SELANGOR (PKPS) LIVESTOCK FARM SDN. BHD.**

---



PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN SELANGOR FRUIT VALLEY (SFV) DAN PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS) LIVESTOCK FARM SDN. BHD.

## 1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama (Pembukaan), Penggal Ketiga, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2015 pada 30 Mac-3 April dan 6-10 April 2015.

## 2. LATARBELAKANG SELANGOR FRUIT VALLEY (SFV)

Selangor Fruit Valley (SFV) pada mulanya merupakan projek di bawah syarikat *Selangor Oil Palm Industries Corporation Sdn Bhd* (SOPIC). SOPIC ditubuhkan pada 13hb Mac 1974 dengan modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM 20 juta dan RM 14.30 juta. Kegiatan utama SOPIC adalah penanaman kelapa sawit dan buah-buahan. Pada 6 Ogos 2008, Jemaah Ahli PKPS telah memutuskan aktiviti lading kelapa sawit diusahakan sepenuhnya oleh PKPS. Manakala SFV diteruskan di bawah SOPIC.

Pada tahun 2007, SFV telah menerima pengunjung untuk melihat persekitaran ladang buah-buahan dan lain-lain. SFV menghentikan penerimaan pengunjung pada tahun 2009 kerana menjalankan program pemulihan ladang.

Pada 31hb Ogos 2013, Jemaah Ahli PKPS telah memutuskan penutupan operasi SOPIC dan PKPS mengambil alih ladang ini selepas penstrukturkan semula. Semua aktiviti di SFV diuruskan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan dipantau secara terus oleh Bahagian Perladangan PKPS.

## 3. LATARBELAKANG PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS) LIVESTOCK FARM SDN. BHD.

PKPS Livestock Farm Sdn. Bhd. diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 19 November 2002. Pada mulanya, syarikat ini dikenali sebagai Ladang Buah-Buahan Selangor Sdn. Bhd. dan pada 5 September 2011 telah menukar namanya kepada PKPS Livestock Farm Sdn. Bhd. Aktiviti utama PKPS Livestock Farm Sdn.

Bhd. ialah penternakan lembu tenusu yang dimulakan pada awal tahun 2011. Susu lembu yang dihasilkan dijual segar secara pukal kepada pengilang yang kemudiannya akan membekalkan kepada pengguna akhir dengan menggunakan jenama tertentu di pasaran domestik.

Kerja-kerja pembinaan kandang pertama bermula pada awal tahun 2010 dan lembu fasa pertama dibawa masuk pada 25 Disember 2010. PKPS Livestock Farm Sdn. Bhd. mula beroperasi pada Januari 2011 dan kerja-kerja pembinaan infrastruktur dan kemasukkan lembu telah selesai pada pertengahan tahun 2014.

Moto PKPS Livestock Farm Sdn. Bhd. adalah “Bersih, Berkualiti dan Halal” supaya dapat membekalkan produk susu segar berkualiti bagi memenuhi permintaan industri berlandaskan tenusu selain memastikan program pembiakan ternakan yang terancang untuk meningkatkan populasi induk tenusu dengan pemberian diet serta pemeliharaan berlandaskan amalan penternakan yang baik.

#### **4. AHLI JAWATANKUASA**

1. Y.B. Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Pengerusi
2. Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli
3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
4. Y.B. Tuan Lau Weng San (ADN Kawasan Kampung Tunku)	Ahli
5. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (ADN Kawasan Dengkil)	Ahli
6. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (ADN Kawasan Batu Tiga)	Ahli
7. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (ADN Kawasan Sabak)	Ahli

## **5. LAWATAN KE SELANGOR FRUIT VALLEY (SFV)**

JP-ABAS telah mengadakan lawatan pada 29 Januari 2015 (Khamis) bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai status kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Selangor Fruit Valley (SFV). Wakil-wakil daripada SFV hadir untuk memberi keterangan.

### **5.1 AHLI JAWATANKUASA YANG HADIR**

1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Pengerusi
2. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (ADN Kawasan Batu Tiga)	Ahli
3. Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli
4. Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
5. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (ADN Kawasan Sabak)	Ahli
6. Y.B. Tuan Lau Weng San (ADN Kawasan Kampung Tunku)	Ahli

### **5.2 LAWATAN KE PKPS LIVESTOCK FARM SDN. BHD.**

JP-ABAS telah mengadakan lawatan pada 16 Februari 2015 (Isnin) bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai status kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat PKPS Livestock Farm Sdn. Bhd. Wakil-wakil daripada PKPS Livestock Farm Sdn. Bhd. hadir untuk memberi keterangan.

### **5.3 AHLI JAWATANKUASA YANG HADIR**

1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Pengerusi
2. Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara)	Ahli

3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin (ADN Kawasan Damansara Utama)	Ahli
4. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (ADN Kawasan Sabak)	Ahli

#### **5.4 SAKSI/PEGAWAI YANG HADIR UNTUK MEMBERI KETERANGAN**

Jabatan yang dijemput adalah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS):

1. Encik Haji Tamby Omar bin Mohammed  
Pengurus Besar PKPS
2. Encik Haji Aqmal Azam bin Ahmad  
Timbalan Pengurus Besar Kumpulan (Perkhidmatan Korporat & Operasi)
3. Encik Adnan bin Raja Muhammad  
Pengurus PKPS Livestock Farm Sdn Bhd

#### **6. ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA**

##### **6.1 SELANGOR FRUIT VALLEY (SFV)**

Secara keseluruhannya prestasi kewangan SFV bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan. Selain itu, tadbir urus korporat SFV didapati baik.

Hasil daripada lawatan ke tapak SFV, Jawatankuasa berpendapat bahawa pengurusan dan pelaksanaan aktiviti SFV perlu dipuji kerana prestasi adalah memuaskan.

##### **6.2 PKPS LIVESTOCK FARM SDN BHD**

Secara keseluruhannya prestasi kewangan PKPS Livestock Farm Sdn Bhd bagi tahun 2014 adalah kurang memuaskan. Selain itu, pengurusan dan pelaksanaan aktiviti juga kurang memuaskan.

Hasil daripada lawatan ke tapak PKPS Livestock Farm Sdn Bhd, Jawatankuasa berpendapat bahawa terdapat dua kelemahan yang utama. Secara ringkasnya kelemahan-kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

Hasil daripada lawatan ke tapak PKPS Livestock Farm Sdn Bhd, Jawatankuasa berpendapat bahawa terdapat dua kelemahan yang utama. Secara ringkasnya kelemahan-kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

- 1)Prestasi kewangan kurang memuaskan; dan
- 2)Pengurusan dan pelaksanaan aktiviti kurang memuaskan.

## **7. PENEMUAN JAWATANKUASA BERKENAAN SELANGOR FRUIT VALLEY (SFV)**

### **7.1 Pengurusan Dan Pelaksanaan Aktiviti Yang Memuaskan**

#### **7.1.1. Perakuan SFV**

1. 156 hektar diusahakan secara sendiri oleh PKPS dan 382 hektar diusahakan oleh peserta Program Pembangunan Usahawan Tani.
2. Antara jenis tanaman yang diusahakan oleh SFV ialah betik, jambu batu, belimbing dan sebagainya.
3. Sebelum 31hb Ogos 2013, antara kekangan yang dihadapi oleh SFV termasuk:
  - 3.1 Kekurangan tenaga pekerja;
  - 3.2 Terlalu banyak tanaman yang perlu diselenggara;
  - 3.3 Tanah yang tidak berapa subur;
  - 3.4 Kurang kepakaran tentang setiap jenis tanaman;
  - 3.5 Masalah pemasaran produk untuk mendapatkan harga yang berpatutan; dan
  - 3.6 Serangan penyakit dan perosak.
4. Antara tindakan yang diambil oleh PKPS untuk menyelesaikan masalah tersebut di atas termasuk:
  - 4.1 Kawasan berlebihan disewakan kepada peserta usahawan tani pada 382 hektar yang melibatkan 19 usahawan tani. Hasil pendapatan sewaan daripada program tersebut ialah RM 0.76 juta. Program ini dapat membantu memulihkan tanah yang bermasalah.
  - 4.2 Menanam tanaman sulaman seperti cempedak, manga, jambu batu dan sebagainya;
  - 4.3 Menanam tanaman baru di atas tanah yang kosong;

- 4.4 Membaikpulih kesuburan tanah;
- 4.5 Memperkenalkan sistem pengairan untuk tanaman tertentu misalnya betik dan durian;
- 4.6 Melaksanakan sistem pengurusan ladang yang sistematik dan mengamalkan pemantauan yang terperinci bagi setiap tanaman;
- 4.7 Mengelakkan tanaman Belimbing, Nangka, Tembikai dan Kelapa MATAG (Pakej Teknologi Kelapa) sebagai tanaman utama;
- 4.8 Meningkatkan jumlah jualan buah-buahan yang terdiri daripada rambutan, kelapa muda, kelapa tua, manggis dan nangka; dan
- 4.9 Memastikan SFV dapat menjadi pengeluar buah-buahan sebagai ladang contoh untuk pengunjung dan pengusaha buah-buahan yang lain dalam jangka masa panjang.

5. Matlamat perancangan SFV dalam tempoh lima tahun termasuk:

- 5.1 Menyiapkan tanaman sulaman dalam masa 4 bulan;
- 5.2 Menanam keseluruhan kawasan terbiar dalam masa 3 bulan;
- 5.3 Mencapai tenaga kerja yang cukup dan bermotivasi tinggi dalam masa 2 bulan;
- 5.4 Menambah alat jentera termasuk JCB Backhoe dan 2 motorsikal roda 3 sebanyak 2 unit untuk mengangkut barang-barang dalam masa 2 bulan;
- 5.5 Menerima kunjungan orang ramai/pelancong dalam masa 1.5 tahun;
- 5.6 Meningkat pengeluaran hasil dalam masa 6 bulan;
- 5.7 Mendapatkan pasaran baru dengan harga yang lebih baik dalam masa 4 bulan;
- 5.8 Mengemukakan cadangan pelan tanaman herba yang mengandungi:
  - a. Pembinaan rumah inap dan gazebo rehat;
  - b. Pembersihan kolam, laluan berbasikal dan laluan pejalan kaki sekitar kolam;
  - c. Kawasan menara tinjau dan taman permainan;
  - d. Program 'makan buah-buahan tempatan'
- 5.9 Projek tanaman kelapa.

#### **7.1.2. Penemuan Jawatankuasa**

1. Pengurusan baru mempunyai prestasi yang lebih cekap.
2. Pengurusan baru menunjukkan aliran tunai yang sihat dan mempunyai pendapatan bulanan yang memuaskan iaitu sebanyak RM 138, 043 sebulan pada Januari 2015 seperti yang ditunjukkan pada Lampiran A.

- Pengurusan baru berjaya meningkatkan prestasi hasil tanaman dan pendapatan dalam tempoh masa kurang daripada dua tahun iaitu selepas pengambil alihan SFV pada 31hb Ogos 2013 sehingga sekarang.
- Perancangan perniagaan lima tahun SFV dijangka dapat meningkatkan pendapatan PKPS berdasarkan prestasi yang sedia ada.


## **8. PENEMUAN JAWATANKUASA BERKENAAN PKPS LIVESTOCK FARM SDN. BHD.**

### **8.1 Prestasi Kewangan Kurang Memuaskan**

#### **8.1.1. Perakuan PKPS Livestock Farm Sdn. Bhd.**

- Jumlah pelaburan ialah dalam projek ternakan lembu ialah RM 10 juta. RM 8 juta daripada RM 10 juta dibelanjakan untuk fasiliti ladang ternakan lembu.
- Pulangan ke atas pelaburan projek ternakan lembu tidak akan tercapai dalam tempoh tujuh tahun kerana akan mengandungi kerugian terkumpul yang lebih daripada RM 10 juta seperti yang ditunjukkan pada Gambarajah 1 yang dirumuskan berdasarkan **Lampiran B** di bawah:

**Gambarajah 1**



- Kos operasi setahun untuk ladang ternakan lembu ialah RM 2 juta dan nilai ini hanya untuk makanan lembu.

4. Kos pengeluaran semasa untuk menghasilkan satu liter susu ialah RM 6.50 tetapi kos jualan semasa satu liter susu ialah RM 2.70.
5. PKPS bergantung kepada khidmat nasihat konsultan yang diupah. Beberapa bulan yang lalu, konsultan tersebut telah ditamatkan perkhidmatannya oleh PKPS.
6. Penyata kewangan hasil pendapatan sewa reban ayam daripada usaha sama bersama Charoen Pokphand disatukan kerana memudahkan pengurusan seperti yang ditunjukkan pada **Lampiran C**.
7. Penyata kewangan hasil pendapatan sewa ayam ditunjukkan dalam **Lampiran D**.

### **8.1.2. Penemuan Jawatankuasa**

1. Kos pengeluaran yang tinggi adalah disebabkan oleh kos tetap yang tinggi berbanding pengeluaran susu yang kurang perlu dipertingkatkan supaya kos pengeluaran dapat dikurangkan.
2. PKPS terlalu bergantung kepada konsultan yang diupah kerana tidak mempunyai kemahiran dalam industri ternakan lembu.
3. Hasil keuntungan daripada pendapatan sewa reban ayam kepada Charoen Pokphand digunakan untuk menampung kerugian projek ladang ternakan lembu PKPS.
4. Penyata kewangan projek ternakan ayam dan projek ternakan lembu PKPS harus diasingkan supaya prestasi kewangan kedua-dua operasi dapat dinilai.

## **8.2 Pengurusan dan Pelaksanaan Aktiviti Kurang Memuaskan**

### **8.2.1 Perakuan PKPS Livestock Farm Sdn. Bhd.**

1. Jumlah keseluruhan lembu ialah 498 ekor dan 164 ekor lembu merupakan "milking cow" kerana rekod kelahiran tidak mencapai sasaran yang ditetapkan disebabkan kematian dan kesihatan lembu betina yang kurang memuaskan.

2. Oleh sebab itu, bilangan lembu perah semakin menurun dan begitu juga dengan pengeluaran susu di kalangan lembu ternakan PKPS.

### **8.2.2 Penemuan Jawatankuasa**

1. PKPS tidak mempunyai kepakaran menguruskan projek ternakan lembu serta tidak membuat kajian yang menyeluruh sebelum membuat keputusan untuk melabur dalam projek tersebut.

## **9. SARANAN JAWATANKUASA**

### **9.1 Selangor Fruit Valley (SFV)**

1. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan SFV mengekalkan prestasi yang memuaskan supaya pendapatan PKPS akan terus meningkat.

### **9.2 PKPS Livestock Farm Sdn. Bhd.**

1. Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji semula projek ternakan lembu PKPS Livestock Farm Sdn Bhd kerana tidak dapat mencapai pulangan ke atas pelaburan yang memuaskan dalam tempoh tujuh tahun.
2. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan PKPS Livestock Farm menjalankan kajian yang menyeluruh dan rapi sebelum melaksanakan projek ternakan lembu.

### **9.3 Saranan Keseluruhan**

1. PKPS hendaklah menetapkan sasaran dalam tempoh satu hingga dua tahun untuk memulihkan projek ternakan lembu.
2. PKPS hendaklah peka kepada prestasi projek ternakan lembu dalam tempoh satu hingga dua tahun supaya sekiranya projek ternakan lembu tidak dapat dipulihkan, PKPS hendaklah mengambil keputusan untuk membatalkan projek tersebut.
3. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan Pemerbadanan Menteri Besar menetapkan dan memantau keperluan membuat kajian teliti dalam Prosedur

Operasi PKPS sebelum pelaburan dibuat dalam sebarang projek yang akan dilaksanakan.

## **10. PENUTUP**

1. Jawatankuasa ini ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
2. Semoga segala saranan Jawatankuasa yang terkandung dalam penyata ini boleh diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Sekian, terima kasih.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada Jumaat, 6 Mac 2015.

Disahkan oleh:



.....  
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib  
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat  
(JP-ABAS)

## **URUS SETIA**

- i)Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii)Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali  
Ketua Penolong Setiausaha
- iii)Encik Jurasmadi bin Pauzi  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv)Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
- v)Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
Setiausaha Pejabat
- vi)Cik Apsara Murale  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

Lampiran A

**JUALAN BUAH-BUAHAN  
SELANGOR FRUITS VALLEY  
(TAHUN 2014 & AS AT 27TH JAN 2015)**

NO KIOSK	JUMLAH DAPATAN HASIL (RM) 2014												Jumlah SEBENAR	
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Aug	Sept	Oct	Nov	Dis		
1 GERAISFV	19,944	5,397	338	3,905	1,277	221	27,634	1,355	4,202	2,087	1,704	8,299	10,527 <b>86,890</b>	
2 GERAIBESTARI JAYA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3,390 <b>3,390</b>	
3 PASAR BRG SELANGOR	6,162	5,273	6,234	7,019	5,524	13,049	6,836	6,045	3,438	5,647	6,227	18,815	95,529 <b>185,798</b>	
4 BAZAR	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,550 <b>1,550</b>	
5 KIOSK	31,180	31,428	31,679	30,240	30,199	29,633	24,061	24,411	23,854	30,128	23,767	22,207	27,047 <b>359,834</b>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>57,286</b>	<b>42,098</b>	<b>38,251</b>	<b>41,164</b>	<b>37,000</b>	<b>42,903</b>	<b>58,531</b>	<b>31,811</b>	<b>31,494</b>	<b>37,862</b>	<b>31,698</b>	<b>49,321</b>	<b>138,043</b>	<b>637,462</b>

Sumber: PKPS LIVESTOCK FARM SDN BHD

Lampiran B

<b>PKPS LIVESTOCK FARM SDN BHD</b>						
<b>PENYATA UNTUNG RUGI BAGI</b>						
<b>PROJEK LEMBU TENUSU</b>						
TAHUN	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Pendapatan	2,187,503	2,712,154	3,232,643	3,858,908	4,594,631	5,456,598
Kos Operasi / Penyelenggaraan	2,121,427	2,466,924	2,784,417	3,164,869	3,614,523	4,199,140
<b>Keuntungan Kasar</b>	<b>66,076</b>	<b>245,230</b>	<b>448,226</b>	<b>694,040</b>	<b>980,108</b>	<b>1,257,458</b>
Perbelanjaan Pengurusan	296,097	321,912	345,176	370,040	396,664	425,288
<b>Untung / (Rugi) Sebelum Susutnilai</b>	<b>( 230,021 )</b>	<b>( 76,682 )</b>	<b>103,050</b>	<b>324,000</b>	<b>583,444</b>	<b>823,170</b>
Peruntukan Susutnilai/Rosotnilai	846,566	846,566	846,566	846,566	846,566	846,566
<b>Untung /(Rugi)</b>	<b>( 1,076,587 )</b>	<b>( 923,247 )</b>	<b>( 743,516 )</b>	<b>( 522,566 )</b>	<b>( 263,122 )</b>	<b>( 14,396 )</b>
						<b>275,297</b>

Sumber: PKPS LIVESTOCK FARM SDN BHD

Lampiran C

<b>PKPS LIVESTOCK FARM SDN BHD</b>						
<b>PENYATA UNTUNG RUGI DISATUKAN</b>						
<b>TAHUN</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>
Pendapatan	3,434,303	3,958,954	4,479,443	5,105,708	5,841,431	6,703,398
Kos Operasi / Penyelenggaraan	2,146,439	2,491,936	2,809,429	3,189,881	3,639,535	4,224,152
Keuntungan Kasar	<b>1,287,864</b>	<b>1,467,018</b>	<b>1,670,014</b>	<b>1,915,828</b>	<b>2,201,896</b>	<b>2,479,246</b>
Perbelanjaan Pengurusan	307,097	332,912	356,176	381,040	407,664	436,288
Untung / (Rugi) Sebelum Susutnilai	<b>980,767</b>	<b>1,134,106</b>	<b>1,313,838</b>	<b>1,534,788</b>	<b>1,794,232</b>	<b>2,042,958</b>
Peruntukan Susutnilai/Rosotnilai	1,203,169	1,203,169	1,203,169	1,203,169	1,203,169	1,203,169
Untung /(Rugi)	( 222,401 )	( 69,062 )	110,670	331,619	591,063	839,789
						<b>1,129,482</b>

Sumber: PKPS LIVESTOCK FARM SDN BHD

Lampiran D

<b>PKPS LIVESTOCK FARM SDN BHD</b>						
<b>PENYATA UNTUNG RUGI BAGI</b>						
<b>PROJEK SEWAAN REBAN AYAM</b>						
TAHUN	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Pendapatan	1,246,800	1,246,800	1,246,800	1,246,800	1,246,800	1,246,800
Kos Operasi / Penyelenggaraan	36,012	36,012	36,012	36,012	36,012	36,012
<b>Keuntungan Kasar</b>	<b>1,210,788</b>	<b>1,210,788</b>	<b>1,210,788</b>	<b>1,210,788</b>	<b>1,210,788</b>	<b>1,210,788</b>
Peruntukan Susutnilai/Rosotnilai	356,603	356,603	356,603	356,603	356,603	356,603
<b>Untung /(Rugi)</b>	<b>854,185</b>	<b>854,185</b>	<b>854,185</b>	<b>854,185</b>	<b>854,185</b>	<b>854,185</b>

Sumber: PKPS LIVESTOCK FARM SDN BHD